



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 23 SEPTEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **39 kes** yang telah pulih COVID-19 pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah sebanyak **9,602 kes** (91.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 23 September 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **147 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **10,505 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan COVID-19 adalah 770 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 147 kes baharu yang dilaporkan, empat (4) kes adalah kes import yang telah mendapat **jangkitan di luar negara** yang melibatkan tiga (3) warganegara dan satu (1) bukan warganegara dari negara:

- **India: Tiga (3)** kes dilaporkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang melibatkan warganegara;

- **Indonesia: Satu (1)** kes dilaporkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang melibatkan bukan warganegara.

Daripada 143 kes **penularan di dalam negara**, 115 kes adalah **warganegara Malaysia** dan 28 kes adalah **bukan warganegara**. Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 134 kes**
 - 105 kes daripada Kluster Benteng LD yang melibatkan 90 warganegara dan 15 bukan warganegara;
 - Lapan (8) kes daripada Kluster Laut yang melibatkan kesemua bukan warganegara;
 - Lapan (8) kes daripada Kluster Bangau-Bangau yang melibatkan enam (6) warganegara dan dua (2) bukan warganegara;
 - Lima (5) kes *Severe Acute Respiratory Infection* (SARI) yang melibatkan empat (4) warganegara dan satu (1) bukan warganegara;
 - Tiga (3) kes saringan petugas kesihatan di Hospital Semporna yang melibatkan warganegara. Mereka tidak bergejala dan telah dimasukkan ke Hospital Tawau;
 - Dua (2) kes daripada Kluster Pulau yang melibatkan warganegara;
 - Dua (2) kes daripada Kluster Udin, iaitu kluster baharu di Tawau, yang melibatkan bukan warganegara; dan
 - Satu (1) kes saringan tahanan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Semporna yang melibatkan warganegara.

- **Kedah: Lima (5) kes**
 - Empat (4) kes daripada Kluster Sungai yang melibatkan semua warganegara; dan
 - Satu (1) kes saringan komuniti yang melibatkan warganegara.

- **Selangor: Dua (2) kes**
 - Satu (1) kes saringan masuk kerja yang melibatkan warganegara. Beliau mempunyai sejarah balik dari Semporna, Sabah; dan
 - Satu (1) kes saringan kontak rapat kepada kes ke- 10286. Beliau mempunyai sejarah balik dari Semporna, Sabah.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Satu (1) kes** saringan pulang dari kawasan berisiko (Sabah) yang melibatkan warganegara.

- **Kelantan: Satu (1) kes** saringan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) dari Sabah yang melibatkan warganegara.

Sehingga kini, terdapat **lapan (8)** kes positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana dua (2) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **tiga (3) kes** kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **133 kes** (1.27 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

1. **Kes kematian ke-131** (iaitu kes ke-10495) merupakan perempuan warganegara Indonesia berumur 48 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit kencing manis dan darah tinggi. Kes mula mengalami gejala lemah badan, muntah, batuk dan demam pada 14

September 2020. Kes telah dibawa ke Jabatan Kecemasan Hospital Tawau, Sabah pada 18 September 2020 dalam keadaan separa sedar. Keadaan kes didapati merosot dan dipindahkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) pada 19 September 2020. Beliau disahkan meninggal dunia pada hari yang sama jam pada 10.20 malam. Saringan COVID-19 didapati positif pada 22 September 2020.

2. **Kes kematian ke-132** (iaitu kes ke-10493) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 54 tahun. Kes telah mendapatkan rawatan di Jabatan Kecemasan Hospital Semporna, Sabah pada 18 September 2020 bagi gejala demam, batuk dan sukar bernafas. Saringan COVID-19 telah dijalankan. Keadaan kes didapati semakin merosot dan kemudian dirujuk ke Hospital Tawau pada 20 September 2020 di mana kes dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU). Kes disahkan meninggal dunia pada 22 September 2020 pada jam 6.55 petang. Pada 22 September 2020, saringan COVID-19 didapati positif.

3. **Kes kematian ke-133** (iaitu kes ke-9224) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 72 tahun dengan latar belakang penyakit strok. Kes telah dikesan sebagai kontak rapat kepada kes ke-9124 (kes kematian ke-127) yang merupakan kes positif dalam Kluster Tawar. Kes tidak bergejala, dikesan positif COVID-19 pada 19 Ogos 2020 dan dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar. Keadaan kes didapati merosot dan dipindahkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU). Kes disahkan meninggal dunia pada 23 September 2020 pada jam 3.40 pagi.

KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

KLUSTER BAHARU DI SABAH: KLUSTER UDIN

KKM ingin memaklumkan bahawa satu kluster baharu telah dilaporkan hari ini di Tawau, Sabah. Kes indeks kluster ini (iaitu kes ke-9894) adalah seorang perempuan warganegara Malaysia berumur 72 tahun. Kes indeks dikesan positif COVID-19 hasil saringan warga emas yang dijalankan di Klinik Kesihatan Merotai, Tawau pada 12 September 2020. Susulan itu, saringan kontak rapat telah dijalankan dan dua (2) lagi dikesan positif COVID-19 pada 22 September 2020. Kedua-dua kes positif ini melibatkan warganegara Filipina. Mereka tidak bergejala dan telah dimasukkan ke Hospital Tawau untuk rawatan.

Sehingga 23 September 2020, 12:00 tengah hari, sejumlah 128 individu telah disaring. Keputusan saringan adalah seperti berikut:

- Tiga (3) dikesan positif COVID-19;
- 71 dikesan negatif COVID-19; dan
- 54 individu menunggu keputusan.

Langkah pencegahan jangkitan termasuk proses nyah kuman dan proses pembersihan telah dijalankan di lokasi-lokasi yang terlibat. Punca jangkitan adalah masih dalam siasatan.

STATUS TERKINI BAGI EMPAT (4) KLUSTER DI SABAH DAN SATU (1) KLUSTER DI KEDAH

1) Kluster Benteng LD

Terdapat **105 kes baharu** yang dilaporkan bagi Kluster Benteng LD pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif kluster ini sebanyak **729 kes**. Sehingga 23 September 2020 jam 12:00 tengah hari, sejumlah 10,389 individu telah disaring dalam kluster ini. Pecahan jumlah saringan mengikut daerah adalah seperti berikut:

- Tawau (7,826 individu disaring);
 - 570 kes dikesan positif COVID-19 (**104 kes baharu**);
 - 5,109 individu negatif; dan
 - 2,147 individu menunggu keputusan.

- Lahad Datu (2,562 individu disaring):
 - 158 kes dikesan positif COVID-19 (**1 kes baharu**);
 - 1,490 individu negatif; dan
 - 914 individu menunggu keputusan.

- Sandakan - Satu (1) kes dikesan positif COVID-19, tiada saringan dan pertambahan kes baharu.

Berdasarkan keseluruhan saringan bagi kluster ini, pecahan saringan melibatkan:

- 1,736 banduan dan tahanan di mana 617 kes dikesan positif COVID-19;

- 1,159 kakitangan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lahad Datu dan Penjara Tawau di mana 24 kes dikesan positif COVID-19;
- 1,394 ahli keluarga kepada kakitangan, banduan dan tahanan di mana 27 kes dikesan positif COVID-19;
- 1,518 pegawai agensi kerajaan lain di mana tiada kes dikesan positif COVID-19; dan
- 4,582 kontak sosial di mana 61 kes dikesan positif COVID-19.

Daripada jumlah 729 kes positif COVID-19, 414 kes adalah di kalangan warganegara Malaysia manakala 315 kes adalah bukan warganegara yang melibatkan negara:

- Filipina (202 kes); dan
- Indonesia (113 kes).

Ingin dimaklumkan bahawa jumlah kes akan sentiasa dikemaskini dan kategori bagi kes positif mungkin akan berubah bergantung kepada maklumat terkini hasil siasatan di lapangan.

2) Kluster Bangau-Bangau

Terdapat **lapan (8) kes baharu** yang dilaporkan bagi Kluster Bangau-Bangau pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif kluster ini sebanyak **13 kes**. Sehingga 23 September 2020 jam 12:00 tengah hari, sejumlah 105 individu telah disaring dalam kluster ini. Pecahan jumlah saringan adalah seperti berikut:

- 13 kes dikesan positif COVID-19 (**8 kes baharu**); dan
- 92 individu masih menunggu keputusan.

Daripada jumlah 13 kes positif COVID-19, 10 kes adalah di kalangan warganegara Malaysia manakala tiga (3) adalah warganegara Filipina.

3) Kluster Laut

Terdapat **lapan (8) kes baharu** yang dilaporkan bagi Kluster Laut pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif kluster ini sebanyak **12 kes**. Sehingga 23 September 2020 jam 12:00 tengah hari, sejumlah 488 individu telah disaring dalam kluster ini. Pecahan jumlah saringan adalah seperti berikut:

- 12 kes dikesan positif COVID-19 (**8 kes baharu**);
- 345 individu negatif; dan
- 131 individu menunggu keputusan.

Kesemua 12 kes positif COVID-19 kluster ini adalah warganegara Filipina.

4) Kluster Pulau

Terdapat **dua (2) kes baharu** yang dilaporkan bagi Kluster Pulau pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif kluster ini sebanyak **37 kes**. Sehingga 23 September 2020 jam 12:00 tengah hari, sejumlah 731 individu telah disaring dalam kluster ini. Pecahan jumlah saringan mengikut daerah adalah seperti berikut:

a. Kunak (618 individu disaring):

- 31 kes dikesan positif COVID-19 (**2 kes baharu**);
- 261 individu negatif; dan
- 326 individu menunggu keputusan.

b. Semporna (113 individu disaring):

- Enam (6) kes dikesan positif COVID-19;
- 37 individu negatif; dan
- 70 individu masih menunggu keputusan.

Daripada jumlah 37 kes positif COVID-19, 33 kes adalah di kalangan warganegara Malaysia manakala empat (4) adalah warganegara Filipina.

5) Kluster Sungai

Terdapat **empat (4) kes baharu** yang dilaporkan bagi Kluster Sungai pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif kluster ini sebanyak 87 kes. Sehingga 23 September 2020 jam 12:00 tengah hari, sejumlah 24,870 individu telah disaring dalam kluster ini. Pecahan jumlah saringan mengikut negeri adalah seperti berikut:

a. Kedah (24,674 individu disaring):

- 86 kes dikesan positif COVID-19 (**4 kes baharu**);
- 24,469 individu negatif; dan
- 119 individu menunggu keputusan.

b. Pulau Pinang (142 individu disaring):

- 142 individu negatif.

c. Perlis (54 individu disaring):

- Satu (1) kes dikesan positif COVID-19;
- 52 individu negatif; dan
- Satu (1) individu menunggu keputusan.

Kesemua 87 kes positif dalam kluster ini merupakan warganegara Malaysia.

Saringan kontak rapat dan aktiviti pengesanan kes secara aktif (*Active Case Detection*) bagi kluster-kluster ini masih diteruskan dan status terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

PEMANTAPAN KESIAPSIAGAAN MAKMAL BAGI UJIAN COVID-19 DI NEGERI SABAH

Sebagai salah satu langkah kesiapsagaan berikutan pertambahan bilangan kes COVID-19 di Sabah, KKM telah menambah kapasiti makmal yang boleh menjalankan diagnostik ***real-time Reverse-Transcription Polymerase Chain Reaction (rRT-PCR)***. Ujian rRT-PCR digunakan bagi pengesanan COVID-19. Tiga (3) makmal yang menjalankan rRT-PCR adalah:

- Makmal Hospital Queen Elizabeth;
- Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu; dan
- Makmal Universiti Malaysia Sabah.

Ujian rRT-PCR di Sabah telah bermula pada bulan Februari 2020 di Makmal Kesihatan Awam, Kota Kinabalu dengan kapasiti 200 ujian sehari dan seterusnya diperluaskan ke Hospital Queen Elizabeth (100 ujian sehari) serta makmal Universiti Malaysia Sabah (100 ujian sehari) pada bulan Mac 2020. Secara keseluruhan, jumlah kapasiti ujian harian makmal sampel COVID-19 di seluruh negeri Sabah kini dipertingkatkan kepada **2,500 ujian sehari**.

Sekiranya ujian rRT-PCR COVID-19 di Sabah mencecah 2,500 ujian sehari, sampel yang selebihnya akan dihantar dari Sabah ke Semenanjung Malaysia dengan menggunakan perkhidmatan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)

serta perkhidmatan kurier swasta ke Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) bagi menampung pengujian sampel tambahan.

FASILITI	KAPASITI MAKMAL BULAN MAC	KAPASITI MAKSIMA PADA 23 SEPTEMBER 2020
Hospital Queen Elizabeth	100	400
Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu	200	2,000
Universiti Malaysia Sabah	100	100
JUMLAH	400	2,500

Ingin dimaklumkan, KKM juga menggunakan **Ujian *Rapid Test Kit-Antigen (RTK-Ag)*** sebagai ujian saringan COVID-19. RTK-Ag mempunyai kelebihan untuk mengesan wabak COVID-19 dengan cepat dalam jumlah yang besar. Sehingga kini, terdapat sebanyak **23 makmal di hospital KKM dan 26 makmal di Klinik Kesihatan** yang menjalankan ujian RTK-Ag di Sabah. Sejak awal Mei 2020, sebanyak **23,900 kit RTK-Ag telah diagihkan** kepada Sabah dan **tambahan 15,000 kit RTK-Ag** diagihkan pada 17 September 2020 untuk membantu pengesanan kes COVID-19.

Bagi jangka masa panjang, KKM sedang berusaha membangunkan sebuah makmal molekular di Hospital Tawau. Selain itu juga, KKM juga sedang menunggu penghantaran kaset **GENEXPERT** COVID-19 dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi kegunaan di Hospital Tawau, Hospital Sandakan dan Hospital Lahad Datu. Ujian ini digunakan bagi mengesan virus SARS-COV-2. Mesin GENEXPERT dengan empat (4) laci mampu menjalankan 40 ujian sehari.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);

- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

23 September 2020 @ 5.00 petang.

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 23 SEPTEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
W.P. KUALA LUMPUR	5 (4)	2,650
SELANGOR	2	2,217
SABAH	134	1,323
NEGERI SEMBILAN	0	1,044
JOHOR	0	752
SARAWAK	0	703
PAHANG	0	371
KEDAH	5	340
PERAK	0	269
MELAKA	0	262
KELANTAN	1	161
PULAU PINANG	0	142
TERENGGANU	0	114
W.P. PUTRAJAYA	0	99
PERLIS	0	33
W.P. LABUAN	0	25
JUMLAH KESELURUHAN	147 (4)	10,505

*() adalah merujuk kepada kes-kes import